



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- YB Menteri
- YB Timbalan Menteri
- YBhg. KSU
- YBhg. TKSU (PPDN)
- YBhg. TKSU (PPP)
- Setiausaha Akhbar

Tarikh: 22 Julai 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Jelajah Karnival KPND 2025 Zon Sabah: 3 Hari Penuh Aktiviti Menarik!

Ranau bakal menjadi tumpuan apabila Karnival KPND 2025 Zon Sabah berlangsung selama tiga hari bermula 25 hingga 27 Julai 2025 di pekarangan Kompleks Sukan Ranau anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPND).

Bertemakan "Ikhtiar Kita Untuk Semua", penganjuran karnival ini menjadi platform langsung untuk mendekati masyarakat setempat di samping mendekati fungsi, peranan serta pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh KPND dalam memperkasakan pengguna, memperkukuh pengatkuasaan, menyokong pembangunan ekonomi domestik serta mengimbangi kos sara hidup rakyat.

Padat Dengan Pengisian Bermanfaat

Sepanjang tiga hari pelaksanaan Jelajah Karnival KPND di Zon Sabah, para pengunjung bakal menikmati pelbagai aktiviti menarik yang padat dengan pengisian bermanfaat dan hiburan untuk sesi keluarga.

Di ruang reruai, pelbagai perkhidmatan dan advokasi ditawarkan termasuk khidmat nasihat pengguna, pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia, promosi Kad Diskaun Khas Menu RAHMAH, aplikasi Price Catcher serta inisiatif lain di bawah KPND dan agensi berkaitan.

Tidak ketinggalan pameran automotif daripada jenama terkemuka seperti Proton, Perodua dan Modenas

Jom Beli Lokal menerusi KBBM

Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) terus menjadi komponen penting dalam Karnival KPND 2025 apabila ia menghimpunkan pelbagai jenama tempatan di bawah satu bumbung.

Melalui penyertaan puluhan usahawan dari seluruh negara, pengunjung bukan sahaja dapat membeli secara terus daripada pengeluar, malah berpeluang mengenali pelbagai produk tempatan yang berkualiti, kreatif dan mampu milik.

Usaha ini membuka lebih banyak ruang promosi dan pendedahan kepada jenama-jenama tempatan termasuk nama-nama produk seperti Mamee, Adabi, Desa Dairy Farm, Unilavender dan lain-lain dengan sokongan rakan strategik seperti TikTok Shop.

serta pameran aset kenderaan penguat kuasa turut menjadi tarikan utama.

Di pentas utama, pengunjung akan dihiburkan dengan forum dan pocket talk dari pelbagai agensi, pertandingan mewarna kanak-kanak, Eksplorasi Mini KPND dan persembahan artis popular seperti Bella

Atillah, Elica Paujin, Atmosfera serta juara Kugiran Sabah 2025, Kumpulan Renewar. Persembahan budaya, buskers, sesi kuiz interaktif, cabutan bertuah dan pertandingan Bintang Lokal KPND serta karaoke menambah kemeriahan.

Program Jualan RAHMAH MADANI (PJRM) turut dilaksanakan dengan

menawarkan pelbagai barangan keperluan harian pada harga 10% hingga 30% lebih murah daripada harga pasaran. Dengan harga serendah RMS, Menu RAHMAH memberikan pilihan hidangan yang pelbagai dan mudah diakses oleh semua pengunjung sepanjang karnival berlangsung.

Pavilion Kos Sara Hidup: Satu Hentian, Pelbagai Manfaat

Pavilion Kos Sara Hidup di Karnival KPND 2025 menghimpunkan pelbagai Kementerian dan agensi di bawah Segmen Inisiatif Kos Sara Hidup dengan pelbagai perkhidmatan dan advokasi untuk rakyat. Antaranya termasuk Inisiatif Subsidi Elektrik Bersasar, Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR), Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR), Kaunter Bergerak JPJ serta program saringan kesihatan.

Segmen Penjana Pendapatan menampilkan Mini Karnival Kerjaya MYFutureJobs oleh PERKESO yang menawarkan sesi temu duga terbuka, pendaftaran akaun dan bimbingan kerjaya percuma khusus untuk

golongan belia yang sedang mencari pekerjaan.

Segmen Bantuan Sosial menghimpunkan pelbagai inisiatif seperti Sumbangan Tunai Rahmah (STR), Sumbangan Asas Rahmah (SARA), khidmat kewangan Bank Negara Malaysia dan AKPK, perkhidmatan KWSP serta pameran oleh ICU JPM dan JKM.

Pelbagai aktiviti turut diadakan di pentas mini seperti pertandingan Mobile Legends E-Sports Sara Hidup, Ekspedisi Kos Sara Hidup berkonsepkan pencarian fakta, serta The Band Showdown yang menampilkan muzik sebagai medium mesej kos sara hidup.

Keseluruhan pengisian ini menjadikan karnival sebagai platform inklusif yang menyatukan keperluan rakyat daripada akses kepada perkhidmatan kerajaan, peluang mening-

katkan taraf ekonomi sehinggalah kepada hiburan sesi keluarga dalam suasana yang santai dan bermanfaat.

Selepas Sabah, siri Jelajah Karnival KPND 2025 ini bakal singgah di Kuching Waterfront, Sarawak (5-7 September), Aman Jaya, Sungai Petani bagi Zon Utara (26-28 September), Dataran Sayangi Kuantan untuk Zon Timur (24-26 Oktober) dan akan melabuhkan tirai di Dataran Kemerdekaan Shah Alam bagi Zon Tengah pada 14-16 November nanti.

Untuk maklumat lanjut mengenai pengisian dan aktiviti menarik sepanjang penganjuran karnival, orang ramai boleh melayari portal rasmi KPND di www.kpnd.gov.my atau mengikuti saluran media sosial rasmi KPND. (iklan Rencana)

**KARNIVAL
KPND 2025**
Ikhtiar K.I.T.A.
— untuk Semua —
Zon Sabah

**KEMPEN BELI
BARANGAN
MALAYSIA**
Jom Beli Lokal

**PROGRAM JELAJAH KARNIVAL KPND 2025
DAN KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA
ZON SABAH**

25-27 PEKARANGAN KOMPLEKS
JULAI 2025 SUKAN RANAU
SABAH

Rakan Strategik: MALAYSIA MADANI, PERODUA, MODENAS

KPDN jawab isu pembekalan minyak masak

KUALA LUMPUR - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menegaskan sehingga kini tiada dasar yang menetapkan pembekalan minyak masak daripada kilang penapisan hendaklah daripada kilang penapisan milikan tempatan saja.

Penegasan kementerian itu disuarakan susulan pendedahan laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2/2025 mendapati anak syarikat kepada syarikat asing yang berdaftar di Singapura dan Jepun menerima kuota kilang penapisan minyak masak bersubsidi tertinggi berbanding yang diperoleh syarikat tempatan.

Jelas KPDN, berdasarkan prosedur operasi standard (SOP) Program Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS)

sedia ada, syarikat pembungkus diberi pilihan bagi memilih terhadap kepada dua kilang penapis untuk bekalan minyak masak.

"Berdasarkan permohonan pertukaran kilang penapisan dikemukakan syarikat pembungkus, terdapat beberapa faktor ditumpukan syarikat pembungkusan bagi memilih kilang penapisan untuk perbekalan.

"Ini termasuk lokasi kilang penapis adalah berdekatan syarikat pembungkus untuk penjimatan kos pengangkutan, kualiti perkhidmatan dan bekalan minyak masak ditawarkan syarikat kilang penapis dan kemampuan kilang penapis membekalkan minyak masak mengikut tempahan secara konsisten," kata kementerian itu dalam satu jawapan balas terhadap LKAN yang dikeluarkan pada Isnin.

KPDN turut memaklumkan pihaknya sedang melaksanakan agenda penambahbaikan pengurusan program COSS termasuk meneliti atau mengkaji keutamaan syarikat kilang penapis tempatan dalam membekalkan minyak masak bersubsidi.

Terdahulu, LKAN menjelaskan antara syarikat yang memiliki lapan kilang penapis di seluruh Malaysia ialah syarikat milikan penuh sebuah syarikat yang sudah ditubuhkan dan berpangkalan di Singapura.

"Syarikat ini sudah menerima kuota bekalan tertinggi berjumlah 29,231 tan sebulan dan menguasai sejumlah 50.2 peratus bekalan minyak masak bersubsidi tempatan," kata laporan itu.

Laporan Ketua Audit Negara 2/2025

Jual minyak masak subsidi kepada pihak tidak layak jejas bekalan

Purata keluaran bagi 2019 hingga 2024 hanya capai 82.6 peratus daripada kuota siling ditetapkan

Kuala Lumpur: Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2/2025 semalam mendedahkan penjualan minyak masak bersubsidi kepada golongan tidak layak oleh syarikat pembungkus, pemborong dan peruncit dikesan menjejaskan bekalan minyak masak bersubsidi untuk keperluan isi rumah di negara ini.

Penemuan itu dikesan hasil lawatan fizikal audit terhadap beberapa syarikat peruncit yang mendapati berlaku lebih jualan kepada pelanggan tertentu. "Peruncit 1022272-X sudah menjual sebanyak 170 pekete minyak masak bersubsidi berjumlah RM425 kepada satu syarikat penyedia makanan dengan mengeluarkan 60 resit pembelian.

"Dua transaksi jualan minyak masak bersubsidi melebihi had di Kedai Runcit TR0005815-V yang berlokasi di Kuala Tereng-

ganu sebanyak 23 kilogram (kg) berjumlah RM57.50," menurut laporan itu.

Sementara itu, LKAN turut mendedahkan purata pengeluaran minyak masak bersubsidi bagi tempoh 2019 hingga 2024 hanya mencapai 82.6 peratus daripada kuota siling bekalan ditetapkan.

"Subsidi minyak masak dikategorikan sebagai subsidi pukal yang diberikan kepada golongan sasaran, namun golongan tidak layak termasuk bukan warganegara turut menikmati subsidi ini apabila mereka membeli barangan itu.

"Semakan audit mendapati dasar sedia ada tidak menetapkan syarat kelayakan terhadap pembelian minyak masak bersubsidi," katanya.

Laporan itu menyebut prosedur operasi standard (SOP) Program Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS) yang berkuatkuasa pada 1 Oktober 2023 menjelaskan anggaran keperluan terkini penggunaan minyak masak rakyat Malaysia adalah 1.5kg sebulan bagi seorang penduduk.

"Semakan audit mendapati tiada justifikasi jelas berhubung asas penetapan 60,000 tan minyak masak sebulan bagi penduduk di Malaysia. Keperluan penggunaan minyak masak sebanyak 1.5kg sebulan bagi setiap penduduk juga tidak disokong dengan kajian keperluan sebenar," katanya.



LKAN berpendapat, penetapan kuota 60,000 tan sebulan bagi pengeluaran minyak masak bersubsidi tidak disokong oleh kajian komprehensif mengenai keperluan sebenar penggunaan minyak masak berdasarkan corak penggunaan domestik yang terkini.

"Selain itu, ketiadaan peraturan yang jelas berhubung kriteria golongan yang layak membeli minyak masak bersubsidi sudah menyebabkan warga asing turut menikmati subsidi itu memandangkan tiada tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil akibat ketiadaan peraturan yang khusus," katanya.

Justeru, LKAN berpendapat

pemantauan berterusan terhadap pemegang kuota perlu dilaksanakan bagi memastikan pengeluaran bekalan minyak masak bersubsidi mengikut kuota yang diluluskan dan tindakan tegas perlu diambil sekiranya berlaku ketidakpatuhan.

Tarik lesen

Sementara itu, dalam maklum balas ke atas dapatan audit seperti disiarakan menerusi Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2/2025, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sudah mengambil tindakan termasuk penarikan Lesen Runcit Barang Kawalan

Berjadual (CSA) ke atas syarikat dan peruncit yang didapati menjual minyak masak bersubsidi kepada pihak tidak layak.

Kementerian itu menjelaskan, akaun syarikat yang dikesan audit turut sudah dinyahaktif dan kini, mereka tidak lagi membekalkan minyak masak pekete bersubsidi.

Bagi dua syarikat yang dikesan, katanya, mereka juga didapati mempunyai tiga transaksi belian sebanyak 561 kilogram berjumlah RM1,386 tetapi tidak direkodkan dalam buku stok.

"Bahagian Subsidi dan Bekalan (BSB) akan merujuk kes ini kepada Bahagian Penguatkuasaan untuk siasatan lanjut. Semakan dibuat ke atas transaksi syarikat pembungkus itu dalam sistem eCOSS kepada satu lagi syarikat, mendapati bahawa transaksi di antara kedua syarikat wujud," menurut laporan LKAN itu.

Katanya, KPDN sudah menguatkuasakan Peraturan 18 (Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan (Pindaan) 2021, iaitu mana-mana pihak yang didapati menyimpan dan menggunakan barang kawalan berjadual dalam kuantiti melebihi yang dibenarkan seperti minyak masak, tidak boleh dalam milikan melebihi 12kg kecuali mendapat kebenaran Pengawal Bekalan (Permit Barang Kawalan Berjadual).

Sidang Dewan Rakyat

Dewan luluskan RUU Kredit Pengguna 2025

Pengawalseliaan bersepadu ditambah baik secara berfasa

Oleh Qistina Sallehuddin dan Nor Ain Mohamed Radhi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Rang Undang-Undang (RUU) Kredit Pengguna 2025 yang bertujuan melindungi kepentingan pengguna kredit di negara ini mendapat kelulusan Dewan Rakyat semalam.

RUU berkenaan dibentangkan bagi bacaan kali kedua dan ketiga oleh Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying semalam dan dibahasakan 23 Ahli Parlimen.

Hui Ying berkata, sebaik sahaja diwartakan, RUU itu akan memperkenalkan pengawalseliaan bersepadu secara berperingkat, mengambil kira tahap kesiapsiagaan industri serta keupayaan Suruhanjaya Kredit Pengguna yang akan ditambah baik secara berfasa.

Katanya, suruhanjaya itu akan melaksanakan tugas pengawalseliaan secara berperingkat bermula dengan penyedia kredit yang kini tidak berada di bawah seliaan mana-mana pihak berkuasa, sebelum pemusatan sepenuhnya dijangka berlaku menjelang 2031.

“Fasa pertama akan menyakikan suruhanjaya mengawal selia semua perniagaan kredit dan penyedia perkhidmatan kredit yang tidak dikawal selia ketika ini.

“Bagi pembiayaan patuh syariah dan aktiviti pajak gadai patuh syariah, pengawasan akan terus dilakukan oleh Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT),” katanya.

Fasa kedua, katanya, membabitkan pemindahan tanggungjawab pengawalseliaan bagi aktiviti kredit tertentu seperti peminjaman wang dan pajak gadai (kini di bawah KPKT) serta sewa beli dan jualan kredit yang kini dikawal oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), dijangka bermula pada 2028.

“Fasa ketiga dijangka bermula pada 2031, dengan hasrat untuk memusatkan peraturan tingkah laku bagi semua aktiviti pasaran kewangan di Malaysia, tertakluk kepada semakan menyeluruh oleh kerajaan,” katanya.

Transformasi kawal selia

Pendekatan berfasa ini bertujuan memastikan transformasi pengawalseliaan industri kredit pengguna dan proses peralihan dapat dilaksanakan secara teratur serta mengurangkan risiko pelaksanaan.

“Ia juga memberi ruang ke-

pada suruhanjaya untuk membina keupayaan serta kemampuannya bagi melaksanakan tanggungjawab lebih besar secara berkesan,” katanya.

Terdahulu, Hui Ying berkata, suruhanjaya itu akan ditubuhkan sebagai badan pengawalseliaan di bawah Kementerian Kewangan dan akan mengawal selia sektor perniagaan tidak dikawal selia ketika ini melalui kerangka pelenaan dan pendaftaran dilaksanakan di bawah akta berkenaan.

Penubuhan suruhanjaya itu turut mengambil kira kebimbangan berhubung tingkah laku pengutip hutang yang menggunakan kekerasan dan gangguan berlebihan terhadap pengguna kredit.

Selain itu, Hui Ying berkata, jumlah transaksi Beli Sekarang, Bayar Kemudian (BNPL) meningkat daripada 83.8 juta transaksi pada separuh tahun kedua 2024 kepada 102.6 juta transaksi pada separuh tahun pertama tahun ini.

Jumlah nilai transaksi BNPL juga meningkat sebanyak 31 peratus daripada RM7.1 bilion pada separuh kedua tahun lalu kepada RM9.3 bilion separuh pertama tahun ini.

Katanya, jumlah akaun BNPL yang aktif juga meningkat daripada 5.1 juta pada akhir 2024 kepada 6.5 juta pada akhir Jun lalu.



Lim Hui Ying

LKAN syor tambah baik edaran minyak masak bersubsidi

Susulan barangan itu dijual kepada golongan tidak layak

Oleh NURUL HIDAYAH HAMID SHAH ALAM

Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2/2025 yang dikeluarkan pada Isnin mengesyorkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menambah baik sistem edaran minyak masak bersubsidi kepada semua peringkat pengedar, pembekal dan penjual di seluruh negara.

Hal ini susulan laporan itu memaklumkan terdapat kegiatan minyak masak bersubsidi dijual kepada golongan tidak layak oleh syarikat pembungkus, pemborong dan peruncit sehingga menjejaskan bekalan untuk keperluan isi rumah di negara ini.

Laporan itu memaklumkan, penemuan terbabit dikesan melalui lawatan audit ke beberapa premis terbabit di Kelantan, Terengganu dan Sarawak pada tahun lepas.

"Lawatan audit ke sebuah premis peruncit di Kelantan yang dimiliki oleh sebuah syarikat pada 23 Julai 2024 mendapati syarikat tersebut telah beroperasi sebagai kedai makan dan menyimpan sebanyak 204



Warga asing boleh membeli minyak masak bersubsidi namun tertakluk kepada had pembelian seperti rakyat Malaysia.

kilogram (kg) atau 12 kotak minyak masak bersubsidi di premis terbabit.

"Bagi tahun 2024, syarikat itu didapati membeli sebanyak 11,390kg minyak masak bersubsidi daripada lima syarikat pembungkus," kata laporan audit itu pada Isnin.

Menurut laporan itu lagi, semakan silang terhadap buku stok syarikat peruncit dengan salah sebuah syarikat pembungkus juga mendapati bahawa tiga transaksi belian sebanyak 561kg berjumlah RM1,386 pada bulan Januari dan Februari 2024 tidak direkodkan dalam buku stok peruncit.

Selain itu, laporan itu turut mendedahkan buku stok pemborong yang berlokasi di Kuala Terengganu bagi Januari 2023 hingga Jun 2024 menunjukkan berlaku penjualan minyak masak

bersubsidi kepada tiga golongan tidak layak termasuklah sebuah restoran.

Bagaimanapun katanya, restoran terbabit menafikan premis itu pernah membeli minyak masak bersubsidi daripada pemborong tersebut.

"Semakan lanjut terhadap buku stok pemborong itu bagi tempoh tahun 2023 dan 2024 mendapati 189 transaksi jualan minyak masak bersubsidi sebanyak 31,059kg berjumlah RM77,647.50 tidak mempunyai perincian nama pembeli tetapi butiran jualan dicatatkan sebagai 'cash sale'," ujarinya lagi.

LKAN memaklumkan, semakan audit pada 18 Julai 2024 terhadap rekod jualan syarikat pemborong di Miri, Sarawak pula mendapati 2,280kg minyak masak yang bernilai RM5,700 telah diedarkan secara percuma

bagi tempoh April hingga Julai 2024 kepada individu yang tidak memiliki lesen yang sah.

"Berdasarkan temu bual, syarikat pemborong memaklumkan pengedaran secara percuma dibuat disebabkan individu tersebut mewakili persatuan penduduk atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di sekitar Sarawak," tambahnya.

Dalam pada itu, LKAN turut mendedahkan purata pengeluaran minyak masak bersubsidi di pasaran bagi tempoh 2019 hingga 2024 hanya mencapai 82.6 peratus daripada kuota siling bekalan ditetapkan.

"Penemuan audit mendapati subsidi minyak masak dikategorikan sebagai subsidi pukal yang diberikan kepada golongan sasaran, namun golongan tidak layak termasuk bukan warganegara turut menikmati subsidi itu apabila mereka membeli barangan tersebut.

"Semakan audit mendapati dasar sedia ada tidak menetapkan syarat kelayakan terhadap pembelian minyak masak bersubsidi," menurutnya.

LKAN turut memaklumkan, prosedur operasi standard (SOP) Program Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS) berkuat kuasa pada 1 Oktober 2023 menjelaskan anggaran keperluan terkini penggunaan minyak masak rakyat Malaysia adalah 1.5kg sebulan bagi seorang penduduk.

Namun jelasnya, semakan audit mendapati tiada justifikasi yang jelas berkenaan asas pe-

netapan 60,000 metrik tan minyak masak sebulan bagi penduduk di Malaysia.

Menurutnya, keperluan penggunaan minyak masak sebanyak 1.5 kg sebulan bagi setiap penduduk juga tidak disokong dengan kajian keperluan sebenar.

Justeru, LKAN berpandangan penetapan kuota 60,000 metrik tan sebulan bagi pengeluaran minyak masak bersubsidi tidak disokong dengan kajian komprehensif mengenai keperluan sebenar penggunaan minyak masak berdasarkan corak penggunaan domestik terkini.

Menurut laporan itu lagi, ketiadaan peraturan yang jelas berhubung kriteria golongan yang layak membeli minyak masak bersubsidi menyebabkan warga asing turut menikmati subsidi itu memandangkan tiada tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil akibat ketiadaan peraturan yang khusus.

Selain itu, LKAN turut mendedahkan kaedah perolehan Pre-Q terpilih yang diperkenalkan Kementerian Kewangan (MoF) turut didapati mempunyai ruang manipulasi apabila syarikat tidak layak tetap dipilih ke peringkat akhir.

Menurut laporan berkenaan, ini kerana terdapat syarikat yang tidak memenuhi kriteria penilaian pada peringkat pertama atau tidak dipelawa tetapi terpilih dan dinilai pada peringkat kedua, malah proses perolehan juga mengambil masa lama dan melebihi tempoh ditetapkan.



Auditor-General report flags major lapses across key agencies

KUALA LUMPUR: Serious governance lapses and procedural irregularities were highlighted in the 2025 Auditor-General's Report Series 2, tabled in the Dewan Rakyat yesterday.

Auditor-General Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi revealed governance weaknesses in the lease procurement process for four oil palm plantations by Felcra Berhad, with acquisitions totaling RM241.76 million between 2022 and 2024.

She also flagged significant irregularities in Universiti Kebangsaan Malaysia's (UKM) procurement activities, citing flaws in tendering procedures and procurement governance involving

three tenders worth RM58.45 million.

"There were notable weaknesses in contract administration and procurement management for the army's armoured vehicles between 2020 and 2023," she said in a statement. Among the issues were RM162.75 million in uncollected penalties and RM1.42 million in penalties that were not imposed on the contractor for delayed maintenance services.

In addition, procurement of maintenance services and spare parts for the vehicles – amounting to RM107.54 million – was found to have been carried out through contract splitting, which violates best practices.

The report also identified shortcomings in the Domestic Trade and Cost of Living Ministry's management of the subsidised cooking oil programme.

Wan Suraya said the absence of a targeted allocation system hindered effective distribution to eligible communities. She urged the continuation of efforts to gradually reduce the supply quota, as recommended since 2016, to help limit leakage and improve distribution accuracy.

Further concerns were raised over the Finance Ministry's use of the selective Pre-Q procurement method, which the report said allowed room for

manipulation and lacked transparency.

Some companies that failed to meet initial evaluation criteria were nonetheless selected for subsequent evaluation and award.

"The audit recommends discontinuing the Pre-Q method in favour of open tendering, which would enhance accountability and transparency," she said.

A total of five audits involving seven ministries were conducted, covering programmes and projects valued at RM48.873 billion.

The National Audit Department issued 22 recommendations to various ministries, agencies and government-linked companies. – Bernama

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2/2025: RM460 JUTA BABIT FELCRA, UKM & TENTERA DARAT

Tiga ketakteraturan dikesan

Bernama

Kuala Lumpur

Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2/2025 yang dibentangkan di Dewan Rakyat semalam mendedahkan tiga ketakteraturan serius semabitkan jumlah keseluruhan lebih RM460 juta.

Ketua Audit Negara, Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi berkata, terdapat kelemahan tatakelola terhadap perolehan pajakan empat ladang sawit oleh FELCRA Berhad melibatkan nilai RM241.76 juta antara 2022 hingga 2024.

Beliau berkata Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pula berdepan isu ketakteraturan serius serta kelemahan dalam proses perolehan membabitkan tiga tender bernilai RM58.45 juta.

“(Selain itu) kelemahan dalam pentadbiran kontrak dan pengurusan perolehan bagi kenderaan perisai Tentera Darat untuk tempoh 2020 hingga 2023 meliputi denda RM162.75 juta yang belum dikutip serta denda RM1.42 juta yang belum dikenakan terhadap syarikat kerana kelewatan perkhidmatan senggaraan,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Wan Suraya berkata, perolehan perkhidmatan senggaraan, pembaikan dan pembekalan alat ganti kenderaan perisai bernilai RM107.54 juta juga dilaksanakan secara pecah kecil.

Laporan tersebut, katanya, turut mengenal pasti kelemahan pelaksanaan, pemantauan dan tindakan penguatkuasaan program minyak masak bersubsidi oleh Kementerian Perdagagan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), khususnya kegagalan menyasarkan golongan penerima dan pelaksanaan kuota yang tidak efisien.

“Usaha KPDN untuk mengurangkan kuota bekalan minyak masak bersubsidi sejak 2016 wajar diteruskan. Tindakan tersebut dapat memberikan impak positif dalam usaha membanteras ketirisan melalui pengedaran yang lebih bersasar selaras dengan syor Audit,” katanya.

Selain itu, beliau berkata, **“Syor Audit supaya kaedah Perolehan Pre-Q Terpilih tidak wajar diteruskan dan kaedah perolehan tender terbuka adalah lebih sesuai dilaksanakan bagi memastikan akauntabiliti dan ketelusan dalam proses perolehan”**

Wan Suraya Wan Mohd Radzi

Selain itu, beliau berkata, Kaedah Perolehan Pre-Q Terpilih yang diperkenalkan Kementerian Kewangan turut didapati mempunyai ruang manipulasi apabila syarikat tidak layak tetap dipilih ke peringkat akhir.

“Syor Audit supaya kaedah Perolehan Pre-Q Terpilih tidak wajar diteruskan dan kaedah perolehan tender terbuka adalah lebih sesuai dilaksanakan bagi memastikan akauntabiliti dan ketelusan dalam proses perolehan,” katanya.



Sejumlah lima pengauditan membabitkan tujuh Kementerian dilaksanakan dengan nilai keseluruhan program, aktiviti dan projek berjumlah RM48.873 bilion, serta 22

syor audit dikemukakan kepada Kementerian, jabatan dan syarikat yang terlibat.

Wan Suraya turut memaklumkan, susulan audit oleh Jabatan Audit Negara (JAN) bagi tempoh 2024 hingga Jun 2025 telah membantu kerajaan mendapatkan bayaran balik berjumlah RM157.73 juta, termasuk melalui kutipan penalti, cukai dan denda.

LKAN 2/2025 dimuat naik dalam Sistem Papan Pemuka Ketua Audit Negara (AGD) selaras pindaan Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk menyusuli tindakan susulan.

Orang awam boleh mengakses laporan itu mulai 10 pagi hari ini di laman web <http://lkan.audit.gov.my> dan <https://agdashboard.audit.gov.my>.



Laksana tindakan

Rampant abuse of subsidised cooking oil

PETALING JAYA: Subsidised cooking oil meant for household usage has been sold in bulk to restaurants and caterers, with over 50 tonnes of the product diverted.

The Auditor-General's report series 2/2025 revealed that as much as 55,167kg of subsidised cooking oil was sold to these quarters, in breach of official guidelines.

In the report published yesterday, it said this did not align with the standard operating procedures of the Cooking Oil Price Stabilisation Scheme (COSS) guidelines issued by the Domestic Trade and Cost of Living Ministry.

An audit at a Kelantan-based retailer last July found a business, which operated as a restaurant, had stored up to 204kg of subsidised cooking oil.

In 2024, the company had purchased 11,390kg of subsidised oil from five manufacturers.

An unrecorded sale of 561kg between the retailer and a manufacturer was also flagged.

In Terengganu, a wholesaler was found to have sold cooking oil to multiple caterers between January 2023 and June 2024.

Audit checks revealed 189 cash transactions worth RM77,657.50 involving subsidised oil.

A separate case in Miri, Sarawak, found that a supplier had distributed RM5,700 worth of subsidised cooking oil to unlicensed individuals for free between April and July last year.

The supplier claimed to represent an NGO.

Following these findings, the ministry confirmed that the Kelantan company's controlled

goods licence had been revoked and its eCOSS account deactivated to prevent further supply.

The unrecorded transaction will meanwhile be referred to the ministry's enforcement division.

The wholesaler's account in Terengganu has also been deactivated pending investigations.

The report also revealed cases of retailers selling more than three packets of subsidised oil per customer.

This includes a case in Selangor where a retailer sold 170 packets worth RM425 to a catering company, and a separate case in Terengganu where a trader made two transactions of subsidised cooking oil totalling RM57.50.

The report also revealed discrepancies in how subsidised cooking oil stocks were recorded and kept in the inventory.

"Lack of effective enforcement will open opportunities for companies to manipulate sales in their stock books," the Auditor-General's report said.

It also said there were no clear guidelines for managing spoiled cooking oil nor its sale, resulting in two companies storing 942kg of the product for sale to used cooking oil collectors.

The report said a total of 16 companies were involved in this.

To this, the Domestic Trade and Cost of Living Ministry said its COSS guidelines would be reviewed to include a procedure for this.

To plug leakages, the Auditor-General recommended that the COSS scheme be overhauled.

"There must also be targeted distribution schemes to ensure only eligible households can pur-



Findings from the Auditor-General's Report Series 2/2025

Palm oil estate procurements

- > Felcra Bhd made a RM62.9mil procurement of the Telupid Palm Oil estate in Sabah despite the feasibility study findings.
- > A lease agreement for three palm oil estates in Gua Musang, Kelantan was rushed.

Subsidised cooking oil management

- > Existing guidelines do not determine buyer eligibility.
- > Sold to ineligible quarters and more than three packets per transaction.

Armoured vehicle fleet procurement by the Army

- > Uncollected late delivery penalties amounting to RM162.75mil under the Gempita armoured vehicle supply contract.
- > Unimposed late service penalties amounting to RM1.42mil under the maintenance, repair, and spare parts supply contract.
- > Procurements totalling RM107.54mil that were executed through contract splitting.

Pre-Qualification procurement method

- > Presents room for manipulation.
- > Reduces market competitiveness.

Supplies, services and works procurement at UKM

- > Three out of seven procurement tenders worth more than RM50mil did not follow the required procurement procedures.
- > A company, whose medical equipment failed to meet integration specifications, was awarded a contract.

Source: Auditor-General's Report Series 2/2025



chase the subsidised product, and limit it from being sold to foreigners and commercial entities.

"The purchase limit should also be reviewed," it stated.

It said the COSS system must be

used holistically to prevent any leakages.

The A-G's report also proposed that targeted initiatives such as the Sumbangan Asas Rahmah (Sara) programme be expanded.

KUALA LUMPUR: Weaknesses have been identified in the implementation, monitoring and enforcement of the subsidised cooking oil programme based on the regulations and standard operating procedures (SOPs) of the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN).

According to the 2025 Auditor-General's Report Series 2 tabled in the Dewan Rakyat Monday, these weaknesses include the sale of subsidised cooking oil beyond the permitted limit, open sales to all categories of consumers and non-compliance with the Scheduled Controlled Goods (CSA) retail licence.

Other shortcomings identified were prices of subsidised oil exceeding the set ceiling price, absence of SOPs for managing spoiled subsidised oil and lack of halal certification.

Subsidised cooking oil programme marred by lapses: Audit

"The current policy also does not specify that the distribution of cooking oil must be targeted at eligible and deserving groups, resulting in foreigners also benefiting from the Government's cooking oil subsidy," the report said.

The audit also revealed that a total of 55,167kg of subsidised cooking oil were sold to ineligible parties such as eateries, restaurants, vendors and non-governmental organisations, which contravened Paragraph 7.3.4(g) of the SOP under the Cooking Oil Price Stabilisation Scheme (COSS).

In addition, 713,442kg of cooking oil were found to have been sold above the purchase limit of three packets per transaction for each

customer as stipulated in a KPDN letter dated July 21, 2022.

The report also highlighted manipulation of sales information by wholesalers and retailers, involving discrepancies in transaction records in stock books for 13,124kg of cooking oil. It also noted that subsidised cooking oil was sold at between RM2.60 and RM4 per packet, exceeding the controlled price of RM2.50.

There was also no clear procedure for managing spoiled cooking oil or for controlling its sale, which led to two companies storing 942kg of spoiled cooking oil for sale to used cooking oil traders, while 16 companies were involved in repackaging spoiled oil.

"Out of 72 packaging companies sampled, nine or 12.5 per cent did not possess halal certification, while six of them printed halal markings on cooking oil packaging despite lacking such certification," the report said.

As such, KPDN is recommended to regularly review and improve the COSS SOPs to address implementation gaps in the existing programme, including in the management of spoiled cooking oil and halal certification monitoring.

It is also urged to set targeted distribution policies to ensure subsidies are given only to eligible households based on established criteria.

KPDN is also advised to adopt digital systems such as the eCOSS for comprehensive real-time monitoring of subsidised oil sales and distribution, to reduce data manipulation and non-compliance.

The audit also recommended that the ministry review existing regulations to better enforce compliance by licence holders, including suspending or revoking CSA licences of those found violating conditions, such as holding dual licences at the same address.

"KPDN is also urged to monitor the retail price of subsidised cooking oil more aggressively in collaboration with enforcement agencies such as local authorities (PBT) to ensure adherence to the RM2.50 per packet ceiling price," the report said.

The Ministry is further recommended to develop comprehensive procedures for managing spoiled oil, including disposal methods, early detection, prohibition of repackaging, mandatory declarations and reporting for monitoring and record-keeping purposes.

It is also recommended that halal certification be made a mandatory licensing requirement for all subsidised cooking oil packaging companies.

Legal action should be taken against companies printing fake halal logos under the Trade Descriptions Act 2011 and subsidy disbursement through the Sumbangan Asas Rahmah (Sara) programme should be expanded.

Subsidised cooking oil: KPDN urged to review regulations, improve SOP

KUALA LUMPUR: Weaknesses have been identified in the implementation, monitoring and enforcement of the subsidised cooking oil programme based on the regulations and standard operating procedures (SOP) of the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN).

According to the 2025 Auditor-General's Report Series 2 tabled in the Dewan Rakyat on Monday, these weaknesses include the sale of subsidised cooking oil beyond the permitted limit, open sales to all categories of consumers, and non-compliance with the Scheduled Controlled Goods (CSA) retail licence.

Other shortcomings identified were prices of subsidised oil exceeding the set ceiling price, absence of SOPs for managing spoiled subsidised oil, and lack of halal certification.

"The current policy also does not specify that the distribution of cooking oil must be targeted at eligible and deserving groups, resulting in foreigners also benefiting from the government's cooking oil subsidy," the report said.

The audit also revealed that a total of 55,167 kilogrammes

of subsidised cooking oil were sold to ineligible parties such as eateries, restaurants, vendors, and non-governmental organisations, which contravened paragraph 7.3.4(g) of the SOP under the Cooking Oil Price Stabilisation Scheme (COSS).

In addition, 713,442 kg of cooking oil were found to have been sold above the purchase limit of three packets per transaction for each customer as stipulated in a KPDN letter dated July 21, 2022.

The report also highlighted manipulation of sales information by wholesalers and retailers, involving discrepancies in transaction records in stock books for 13,124 kg of cooking oil. It also noted that subsidised cooking oil was sold at between RM2.60 and RM4.00 per packet, exceeding the controlled price of RM2.50.

There was also no clear procedure for managing spoiled cooking oil or for controlling its sale, which led to two companies storing 942 kg of spoiled cooking oil for sale to used cooking oil traders, while 16 companies were involved in repackaging spoiled oil.

"Out of 72 packaging companies

